

Article Info:

Published Date: 10 October 2023

*Corresponding Author: rosmidahanim@uitm.edu.my

SENI MURAL SEBAGAI ALTERNATIF KOMUNIKASI MASSA DALAM MEMPERKASAKAN SIMBOL-SIMBOL KENEGARAAN DI PEKAN BAGAN DATUK

***Mural Art as an Alternative to Mass Communication in Empowering National Symbols in
Bagan Datuk Town***

Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad, Rosmidahanim Razali*, Azian Tahir, Muhammad Salehuddin Zakaria, Mohd Nafis Saad

Program Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, MALAYSIA

To cite this article (APA): Said Ahmad @ Syed Ahmad, S. H., Razali, R., Tahir, A., Zakaria, M. S., & Saad, M. N. (2023). Seni Mural sebagai Alternatif Komunikasi Massa dalam memperkasakan simbol-simbol kenegaraan di Pekan Bagan Datuk. *KUPAS SENI*, 11(3), 22–31. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.3.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.3.2023>

ABSTRAK

Mural kini dilihat sebagai salah satu alternatif komunikasi massa yang efektif dalam menyampaikan sesuatu mesej secara visual. Kajian ini dibuat untuk menganalisis tanda dan simbol pada tiga buah mural yang memperkasakan simbol-simbol kenegaraan di pekan Bagan Datuk, Perak. Kajian ini adalah dalam jenis kajian seni yang terletak di bawah kajian kualitatif yang memfokuskan pada penjelasan secara deskriptif melibatkan temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Satu kerangka konseptual telah dibina berdasarkan kepada konsep-konsep relevan yang digunakan oleh penyelidik sebagai panduan untuk menganalisis mural yang mengandungi simbol-simbol kenegaraan. Hasil analisis mendapati tiga buah mural yang dikaji di pekan Bagan Datuk ini telah memperkasakan simbol-simbol kenegaraan yang wajar dihayati oleh seluruh warganegara. Simbol-simbol kenegaraan yang dikenal pasti adalah Bunga Raya, Jalur Gemilang dan aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang. Penghayatan simbol-simbol kenegaraan ini adalah penting untuk memupuk semangat Patriotisme yang sering dikaitkan dengan kesetiaan dan cintakan tanah air. Melalui mural ini, masyarakat dapat mengenali dan menghormati simbol-simbol kenegaraan yang menjadi kebanggaan negara. Ini adalah penting dalam kehidupan kita sebagai warganegara Malaysia untuk memastikan semangat perpaduan dan kestabilan terus utuh.

Kata kunci: Mural, Komunikasi Massa, Simbol Kenegaraan, Bagan Datuk

ABSTRACT

Murals are now seen as one of the effective mass communication alternatives for conveying a message visually. This study was made to analyze the signs and symbols on three murals that empower national symbols in the town of Bagan Datuk, Perak. This study is in the type of art studies under the qualitative studies that focus on descriptive explanation involving interviews, observations, and analysis of documents. A conceptual framework has been constructed based on relevant concepts used by the researchers as a guide for analyzing murals containing national symbols. The results of the analysis found that the three murals studied in the town of Bagan Datuk have empowered the national symbols that should be appreciated by all citizens. National symbols identified are the hibiscus, Jalur Gemilang, and the activity of flying the Jalur Gemilang. Appreciating these national symbols is important to cultivate the spirit of Patriotism, often associated with loyalty and love of country. Through this mural, the community can recognize and respect the national symbols that are the country's pride. This is important in our lives as Malaysian citizens to ensure that the spirit of unity and stability remains intact.

Keywords: *Mural, Mass Communication, National Symbol, Bagan Datuk*

PENGENALAN

Pada masa kini, seni mural semakin mendapat perhatian di Malaysia dan giat dihasilkan dengan sokongan dan kolaborasi antara pihak pentadbiran perbandaran dan daerah di setiap negeri. Mural-mural ini kebanyakannya dilukis di dinding-dinding bangunan lama sama ada di pekan kecil maupun di bandar. Mural-mural ini dibuat bertujuan untuk dijadikan sebagai satu daya tarikan dalam usaha merancakkan aktiviti pelancongan sesebuah kawasan. Sudah menjadi ikutan pada masa ini dimana, pengunjung seringkali tertarik untuk melihat mural-mural yang viral dan akan berswafoto untuk menandakan mereka pernah mengunjungi tempat tersebut. Selain berfungsi untuk menghiasi ruang awam, seni mural juga berfungsi sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan sesuatu mesej. Seni mural di kawasan umum berfungsi sebagai media penyampaian aspirasi, sebagai fungsi estetik, ekonomi dan pendidikan (Gazali, 2017).

Mural kini dilihat sebagai salah satu alternatif komunikasi massa yang efektif dalam menyampaikan sesuatu mesej secara visual. Mural tidak dapat berdiri dengan sendiri tanpa kehadiran makna dan mesej yang ingin disampaikan. Bagi pihak pentadbiran perbandaran dan daerah yang terlibat sudah pasti ada aspirasi, tema dan informasi yang ingin disampaikan melalui mural yang dihasilkan. Kehadiran maklumat yang terkandung dalam mural-mural ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum antaranya dengan tujuan untuk mendidik, pesan sosial, penghargaan dan sebagainya. Seperti yang ditegaskan oleh Amir Farouk (Nida Zahar 2021), seni mural adalah satu bentuk seni yang bernilai tinggi kerana ianya mampu untuk menyampaikan mesej-mesej yang positif dan bukanlah sekadar calitan yang tidak membawa apa-apa makna.

Mural-mural yang dihasilkan di sekitar Bagan Datuk khususnya telah memberi dimensi baru dalam pembangunan daerah Bagan Datuk. Ianya terletak di sekitar kawasan pekan yang merupakan tempat tumpuan awam yang menjadi daya tarikan baharu pengunjung (Shahrul Zaman Yahya, 2023). Bagi memastikan jangka hayat mural-mural ini panjang, pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan telah mengambil inisiatif untuk membuat pemuliharaan dan baik pulih mural serta menghasilkan mural baharu. Aktiviti pemuliharaan dan baik pulih mural ini adalah kerjasama di antara pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan, pihak swasta dan Jabatan Seni Halus, FSSR, UiTM Cawangan Perak. Dengan adanya lukisan mural yang indah dan menarik ini juga telah mengubah suasana di deretan bangunan rumah kedai di pekan ini menjadi lebih ceria. Paparan mural-mural ini bukan hanya menceriakan kawasan pekan malah sekaligus menghidupkan pekan ini. Tambahan pula, kerajaan tempatan juga sedang berusaha untuk membangunkan infrastruktur di sekitar kawasan ini untuk memberi kemudahan kepada penduduk setempat dan pengunjung.

Seni mural yang menghiasi pekan Bagan Datuk mempunyai keunikan dari segi imej dan mesej yang ingin disampaikan. Terdapat sebahagian daripada mural di pekan ini dilihat telah mengangkat simbol-simbol kenegaraan dalam seni muralnya. Secara umumnya, simbol-simbol atau lambang kenegaraan seperti bendera kebangsaan, bahasa kebangsaan dan bunga kebangsaan adalah pemangkin kepada semangat patriotisme di kalangan masyarakat. Sehingga ke hari ini, isu-isu yang berkaitan dengan patriotisme terus menjadi perhatian. Setiap warga negara perlu memahami dan menghayati lambang-lambang kenegaraan yang menjadi aspek penting dalam memupuk rasa cintakan tanah air. (Mohamed Ali Haniffa & Ayu Nor Azilah Mohamad, 2022). Rentetan daripada itu, unsur patriotisme perlu disemarakkan dan dititikberatkan di kalangan rakyat Malaysia dalam pelbagai bentuk dan salah satu daripadanya adalah melalui seni mural. Berdasarkan kepada penghuraian di atas, satu kajian yang terperinci perlu dibuat untuk merungkai seni mural sebagai alternatif komunikasi massa dalam memperkasakan simbol-simbol kenegaraan di pekan Bagan Datuk. Kajian ini akan memfokuskan sebanyak tiga buah mural yang mengandungi simbol-simbol kenegaraan. Objektif kajian ini seiring dengan beberapa soalan yang di ingin dijawab dalam kajian ini. (1) Apakah simbol dan tanda yang terdapat dalam karya seni mural itu? Apakah makna yang dihasilkan melalui simbol yang dipaparkan dalam seni mural itu? Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui mural tersebut?

Kajian ini dapat memberikan manfaat kepada bidang akademik dan bidang praktis. Pada bidang akademik contohnya dapat memperluaskan bidang keilmuan berkaitan seni mural sebagai alternatif komunikasi massa dalam memperkasakan simbol-simbol kenegaraan. Selain dari itu, kajian ini juga dapat mencetuskan idea dan memberi jalan terhadap kajian-kajian yang sejenis atau berkaitan pada masa akan datang. Dalam bidang praktis pula, kajian ini dapat memberikan inspirasi kepada seniman atau organisasi yang ingin menghasilkan seni mural dalam tema yang mengandungi simbol-simbol kenegaraan.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat sebelum ini yang membincangkan tema yang seakan sama dengan kajian ini. Dalam kajian yang dijalankan oleh Ismail, et. al. (2020), telah menjelaskan fungsi seni mural sebagai alat atau medium komunikasi untuk menyampaikan mesej mengenai perubahan alam sekitar daripada mural yang bertajuk ‘*Vanishing Wall*’ di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang mana menekankan kepada penerangan deskriptif dan holistik dan pengkaji akan menghubungkannya dengan konsep-konsep yang relevan sebagai asas untuk menganalisis. Hasil analisis mendapati, simbol-simbol dalam mural bertajuk ‘*Vanishing Wall*’ ini dapat menyampaikan mesej kesedaran tentang pentingnya memelihara ekosistem hutan, fauna dan hidupan liar. Kesan daripada penebangan hutan dan pembangunan yang tidak terkawal telah mengakibatkan kepupusan, kemusnahan dan penghijrahan hidupan liar di negeri itu.

Seterusnya Merman, et. al. (2022), membincangkan seni mural yang menjadi satu wadah hebahan maklumat mengenai sebuah sejarah dan penceritaannya dalam kajian mural di Batu Gajah, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana melibatkan temubual, pemerhatian dan analisa. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa mural ini menyalurkan maklumat sejarah pentadbiran daerah Batu Gajah dan penubuhannya serta sejarah perindustrian perlombongan bijih timah yang mana Perak merupakan antara pengeluar utama bijih timah dunia pada satu ketika dahulu. Menerusi mural tersebut juga telah menyalurkan informasi berkenaan sustainable development goals (SDG).

Ahmad Radzi, et. al., (2020) pula telah membuat kajian mengenai mesej patriotisme dalam kajian seni mural di Ipoh, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan ini mengandungi empat peringkat iaitu pertama adalah pengumpulan data visual dan tekstual, kedua adalah penjelasan dan pendapat daripada pakar, ketiga adalah membangunkan kajian soal selidik dan akhir sekali pengedaran pada soal selidik, pengumpulan data dan analisis. Hasil kajian ini menunjukkan seni mural merupakan salah satu visual komunikasi yang efektif untuk menggalakkan semangat perpaduan di tempat-tempat popular di Ipoh Perak seperti mural ‘Tanah Tumpah Darahku’ dan ‘*Nelson and The Ceremony*’. Selain menggambarkan patriotisme, tema warisan dan tema kebersamaan juga terdapat dalam kajian mural di Ipoh ini.

Sekali lagi Ahmad Ahmad Radzi, et. al., (2023) membincangkan ciri-ciri nasionalisme yang terkandung dalam karya seni mural di Ipoh. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kaedah kajian. Dapatan simbol mural-mural yang dikaji mendapati ciri-ciri nasionalisme yang terkandung dalam seni mural di Ipoh adalah merangkumi budaya kebangsaan, gaya hidup, perayaan, konsep 1 Malaysia dan kemerdekaan. Sejajar dengan itu, kajian oleh Romat, et. al., (2022) pula membincangkan penghasilan seni mural sebagai satu tanda penghormatan kepada petugas kesihatan Malaysia semasa berdepan dengan wabak Covid-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif. Dapatan simbol-simbol yang hadir dalam karya-karya mural ini memuatkan makna dan komunikasi tentang penghargaan seniman terhadap usaha dan pengorbanan oleh barisan petugas hadapan dalam menentang pandemik covid-19. Mural-mural ini juga, adalah satu cara untuk menghormati dan berfungsi untuk memperingati peristiwa pandemik Covid-19 yang telah melanda di seluruh dunia. Syed Ahmed Jalaluddin, et. al., (2022) telah membuat kajian mengenai mural yang mengandungi unsur dan identiti Malaysia di tujuh lokasi Stesen Minyak Petronas di seluruh Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif. Dapatan simbol-simbol pada mural-mural yang dikaji memaparkan keunikan dan kepelbagaiannya identiti Malaysia dari segi aktiviti, keindahan alam seperti hutan dan sungai, senibina rumah tradisional Melaka serta makanan tempatan.

Berdasarkan kepada penjelasan literatur diatas, dapat dilihat dengan jelas bahawa kajian ilmiah tentang karya seni mural sebagai alternatif komunikasi massa dalam menyampaikan maklumat atau mesej berkaitan simbol-simbol kenegaraan khususnya masih diperjuangkan oleh para pengkaji di Malaysia. Berdasarkan kepada kajian literatur diatas mural berfungsi sebagai komunikasi visual untuk menyalurkan informasi dalam pelbagai bentuk antaranya sejarah, patriotisme, penghargaan dan pesan sosial. Oleh yang demikian, kajian yang dibuat ini dapat mengisi kajian yang masih belum dibuat sebelum ini khususnya dalam konteks mural sebagai alternatif komunikasi visual dalam memperkasakan simbol-simbol kenegaraan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian seni yang terletak dibawah kajian kualitatif yang mana data kualitatif adalah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen, (Jasmi, 2012). Kajian ini menfokuskan kepada seni mural iaitu sebagai sasaran kajian ini. Oleh itu, kajian seni memiliki sifat-sifat yang sedikit berbeza daripada kajian kualitatif yang lainya. Dalam kajian seni ini, memerlukan kepekaan yang tinggi dan penghayatan yang mendalam dari pengkaji terhadap konteks seni yang dikaji. Di sini, pengkaji harus mampu mengumpulkan data tentang seni mural dari persepsi pelukis dan organisasi yang terlibat dengan penelitian yang terperinci. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui pemerhatian keatas seni mural dan temubual bersama pelukis. Dengan kaedah temubual, pengkaji dapat memperolehi maklumat yang diperlukan secara terperinci. Pengumpulan data pula melibatkan kajian pustaka yang mana merujuk kepada artikel dan buku. Bagi melancarkan proses pengumpulan data, alat seperti perakam audio, alat rakaman video, catatan nota dan fotografi digunakan semasa proses temubual dijalankan.

Kerangka Konseptual Kajian

Bagi menjelaskan segala persoalan dalam kajian ini, maka satu penerangan terperinci yang mengandungi konsep-konsep dari beberapa disiplin ilmu yang berkaitan dibincangkan seperti dibawah.

Mural

Mural adalah lukisan besar yang dibuat untuk menyokong ruang senibina (Susanto, 2002). Berdasarkan kepada definisi tersebut menjelaskan bahawa mural adalah karya visual yang dibuat dengan skala yang besar bagi menghiasi ruang pada sesebuah struktur bangunan. Dengan ini dinding berfungsi sebagai permukaan untuk menghasilkan mural dengan tujuan memperindahkan ruang. Maksud perkataan mural itu sendiri adalah berasal dari bahasa Latin iaitu ‘Murus’ yang bermaksud dinding. Mural adalah satu bentuk karya seni di ruang awam yang mana terbuka untuk tatapan masyarakat umum. Ianya berbeza dengan karya seni yang kebiasaannya dipamerkan di dalam galeri. Selain berfungsi sebagai memperindahkan kawasan, mural merupakan salah satu bentuk media informasi dan komunikasi visual (Astuti, Ernawati & Arifin, 2023). Komunikasi visual dalam bentuk lukisan ini mengandungi mesej-mesej yang ingin disampaikan dalam pelbagai bentuk antaranya patriotisme, sosial, keindahan, politik, dan budaya.

Simbol kenegaraan

Simbol merujuk kepada sesuatu objek, kejadian, gambar, bunyi atau teks yang diberi makna oleh manusia (Hendro, 2020). Definisi ini menjelaskan bahawa simbol diciptakan oleh manusia untuk menghubungkan objek yang bersifat nyata atau dengan sesuatu yang lebih bersifat abstrak. Dengan ini simbol akan membawa makna yang berbeza-beza bagi setiap objek, kejadian, tindakan, pemikiran, gagasan dan emosi. Perbezaan makna ini disebabkan oleh kepelbagaiannya dari segi konteks, latarbelakang, perubahan zaman, kefahaman dalam sesebuah komuniti. Simbol wujud dalam kehidupan seharian manusia dalam pelbagai bentuk seperti dalam gerak-geri, tarian, muzik, perhiasan, pergerakan, lukisan dan sebagainya.

Simbol kenegaraan Malaysia adalah Jalur Gemilang, Jata Negara, Lagu Negaraku, Bunga Raya, Tugu Negara, Bahasa Melayu, Proton Saga, Rukun Negara, Harimau dan Masjid Negara (Bernama, 2010). Simbol-simbol ini adalah melambangkan identiti negara yang perlu dihayati oleh setiap warganegara. Pemahaman dan penghayatan kesemua simbol-simbol ini adalah perlu kerana ianya merupakan aspek penting untuk membina semangat patriotisme. Simbol-simbol ini juga melambangkan sejarah, perpaduan, keamanan, kemakmuran dan kebanggaan negara yang perlu dipelihara.

Dalam konteks seni visual, simbol berfungsi sebagai alat komunikasi untuk memberi makna kepada sesuatu objek dengan lebih meluas. Dalam seni mural misalnya simbol dan tanda yang dipaparkan terdiri daripada pelbagai bentuk antaranya melalui gambaran objek, figura manusia, dan haiwan. Simbol juga wujud melalui elemen dan prinsip rekaan seperti garisan, rupa, jalinan, warna, ruang, pengulangan, harmoni, kontras, keseimbangan dan lain-lain lagi. Bagi simbol-simbol kenegaraan seperti bunga raya dan jalur gemilang sudah pasti mempunyai makna yang tersendiri.


Komunikasi massa

Komunikasi massa adalah merujuk kepada komunikasi yang dilakukan antara individu dengan individu lainnya atau dalam kelompok yang lebih besar melalui media massa (Kustiawan, et. al., 2022). Berdasarkan kepada definisi diatas, dapat dijelaskan bahawa komunikasi massa adalah terbuka kepada masyarakat umum. Dari aspek fungsi pula, media massa mempunyai fungsi yang pelbagai antaranya adalah untuk menyampaikan maklumat secara serentak, meluas dan tidak terbatas. Selain itu, melalui media massa juga dapat mendidik masyarakat dengan menyalurkan maklumat yang komprehensif dan bermanfaat. Alat yang digunakan dalam komunikasi massa adalah melalui media massa iaitu terdiri daripada media cetak mahupun media elektronik seperti radio dan televisyen.

Dalam hal ini, seni mural mempunyai sifat dan konsep yang sama seperti komunikasi massa iaitu bersifat terbuka untuk tatapan masyarakat umum. Mural adalah alternatif kepada komunikasi massa yang berfungsi untuk menyalurkan mesej-mesej yang memberi manfaat kepada masyarakat di sekeliling. Definisi alternatif itu sendiri bermaksud pilihan yang merupakan kemestian (Dewan Bahasa & Pustaka, 2023). Oleh itu paparan imej pada mural merupakan alternatif kepada komunikasi massa yang disampaikan dalam bentuk visual.

Mesej

Mesej adalah maklumat yang disampaikan dalam bentuk perkataan, percakapan, tulisan, tanda dan simbol. Ia merupakan elemen induk dalam proses komunikasi. Proses komunikasi berlaku antara dua hala iaitu diantara penghantar atau sumber dan penerima yang melibatkan penyampaian dan pemahaman sesuatu mesej. Penyampaian mesej ini melalui beberapa cara antaranya lisan atau visual (Turow, 2010). Dalam hal ini, penghantar atau sumber adalah merujuk kepada mural dan penerimanya adalah masyarakat umum. Komunikasi visual ini adalah melalui paparan imej-imej dalam mural yang mengandungi tanda dan simbol.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Mural diadaptasi dari Ismail, et. al., 2020.

Sumber: Ismail, et. al., (2020). *Environmental Change Messages from Vanishing Wall: A Mural in Kota Kinabalu, Sabah*

Berdasarkan kepada kerangka konseptual yang ditunjukkan di atas (lihat Rajah 1), dapat dijelaskan di sini bahawa mural adalah sasaran atau objek kajian dalam penyelidikan ini. Mural adalah lukisan dinding berskala besar yang mengandungi visual dan mesej yang ingin disampaikan. Proses analisis mural dimulakan dengan mengenalpasti setiap tanda dan simbol yang wujud dalam mural yang dikaji. Simbol dan tanda wujud dalam bentuk visual seperti gambaran manusia, objek, teks, dan haiwan. Ianya juga wujud dalam elemen dan prinsip rekaan mural seperti garisan, rupa, jalinan, warna, bentuk dan ruang manakala prinsip seni reka pula seperti seperti keseimbangan, kontras, harmoni, kesatuan dan kepelbagaiannya.

Tanda dalam visual atau mural digambarkan secara representasi atau abstrak yang merangkumi objek atau benda, orang dan gerak-geri. Tanda mempunyai hubungan langsung dengan tanda yang mewakilinya dan makna bagi setiap tanda adalah berdasarkan kepada hubungan unsur visual dalam mural. Simbol pula adalah tidak terikat secara langsung dengan apa yang disimbolkan. Bagi mentafsir makna pada sesuatu simbol dan tanda dalam mural adalah perlu dilihat dari konteksnya (Ismail, et. al., 2020). Seterusnya, setelah mentafsir tanda dan simbol pada konteksnya, maka makna bagi sesebuah mural dapat dikenal pasti. Menerusi kefahaman makna yang diperolehi hasil daripada analisis tanda dan simbol barulah mesej bagi sesuatu mural dapat diuraikan.

DAPATAN KAJIAN

Seni mural yang dianalisis dalam kajian ini adalah sebanyak tiga buah mural. Berikut adalah dapatan daripada kajian yang telah dibuat.

Mural Bagan Datuk 1

Mural yang pertama yang terletak di sekitar pekan Bagan Datuk ini menggambarkan figura seorang lelaki yang sedang mengibarkan jalur gemilang (lihat Rajah 2). Ukuran mural ini adalah sekitar 180cm x 210cm. Pada dasarnya jalur gemilang merupakan salah satu daripada simbol kenegaraan yang menjadi kebanggaan negara. Jalur gemilang merupakan nama baharu bagi bendera Malaysia yang telah diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu iaitu pada malam 31 Ogos 1997 sempena sambutan 40 tahun kemerdekaan negara (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Bendera mempunyai kedudukan dan nilai yang tersendiri yang mana merupakan elemen penting bagi sesebuah negara. Ianya melambangkan kedaulatan dan simbol

penghormatan yang merupakan identiti bagi sesebuah bangsa dan negara.



Rajah 2: Mural Bagan Datuk.

Sumber: Laporan Program Mural Geran Penyelidikan Antara Majlis Daerah Teluk Intan & Jabatan Seni Halus, KPSK UiTM Cawangan Perak (2023)

Setiap negara mempunyai rekaan bendera yang unik dan tersendiri. Di Malaysia pemilihan jalur gemilang dibuat dengan mengadakan satu pertandingan mereka cipta peringkat kebangsaan yang diadakan pada tahun 1940. Melalui pertandingan tersebut, hasil kreativiti Encik Mohamed Bin Hamzah yang merupakan seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor telah diumumkan sebagai pemenang yang mana telah diperkenankan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 22 dan 23 Februari 1950 dengan membuat sedikit perubahan iaitu bulan sabit dan bintang yang pada asalnya berwarna putih digantikan dengan warna kuning bagi melambangkan warna Diraja. Rentetan daripada penjelasan diatas, sudah menjadi tanggungjawab setiap warganegara untuk untuk menjaga dan menghormati jalur gemilang yang menjadi simbol kedaulatan negara.

Berbalik kepada mural pertama diatas, kelihatan seorang figura lelaki yang digambarkan dari pandangan belakang sedang mengibarkan jalur gemilang. Aktiviti mengibarkan jalur gemilang dapat menzhahirkan tanda solidariti bagi melahirkan semangat cintakan tanah air (Amirudin Shari, 2023). Gambaran visual pada mural ini secara langsung dapat memupuk semangat patriotisme di kalangan masyarakat melalui simbol yang dipaparkan. Setiap elemen dalam jalur gemilang membawa makna yang tersendiri. Jalur gemilang mempunyai 14 jalur merah dan putih dengan kelebaran yang sama dimulai dengan jalur merah di bahagian atas dan berakhir dengan jalur putih di bahagian bawah yang melambangkan hala tuju yang sama oleh rakyat dalam menuju kegemilangan negara. 14 jalur ini mewakili keanggotaan 13 buah negeri manakala 1 jalur mewakili Wilayah Persekutuan (Meerangani & Mat Johar, 2021).

Pada bahagian kiri atas jalur gemilang terdapat rupa bulan sabit yang melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi manakala rupa bintang pecah 14 yang melambangkan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Bulan dan bintang diwarnakan dengan warna kuning sebagai lambang kedaulatan Raja Berperlembagaan. Warna biru tua pada latar bahagian kiri membawa makna perpaduan rakyat dalam negara yang berbilang kaum. Warna merah pada jalur gemilang pula adalah membawa makna bukti keberanian dalam menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Akhir sekali, warna putih yang melambangkan kesucian, keikhlasan dan kesungguhan.

Pada bahagian latar belakang mural ini terdapat rupa geometrik yang kelihatan seakan-akan seperti bangunan-bangunan yang divisualkan secara ringkas. Ini dapat dikaitkan dengan pembangunan di Malaysia yang pesat membangun memenuhi landskap negara. Warna pada latar belakang mural ini menggunakan warna-warna neutral iaitu putih dan hitam. Terdapat juga garisan tebal beralun yang diwarnakan dengan warna merah dan jingga telah menimbulkan prinsip irama dan pergerakan pada mural ini. Selain daripada itu, kelihatan juga imej sekuntum bunga raya yang mana merupakan salah satu simbol kenegaraan.

Mural Bagan Datuk 2

Dalam mural kedua, kelihatan subjek bunga raya beserta daunnya yang digambarkan secara horizontal (lihat Rajah 3). Subjek bunga raya divisualkan menggunakan prinsip kontras yang boleh dilihat pada pertembungan antara warna subjek dan latar belakangnya. Dapat dilihat bagaimana bunga raya yang berwarna merah kelihatan begitu menonjol dengan berlatarbelakangkan struktur berwarna gelap telah menarik perhatian penghayat untuk melihat mural ini. Dikaitkan dengan warna merah pada bunga raya itu sendiri adalah simbol kepada keberanian, keteguhan pentadbiran dan ekonomi serta keharmonian (Alias, 2022). Bunga raya atau nama saintifiknya adalah Hibiscus Rosa-Sinensis mempunyai lima kelopak yang mana melambangkan lima pecahan prinsip Rukun Negara.



Rajah 3: Mural Bagan Datuk.

Sumber: Laporan Program Mural Geran Penyelidikan Antara Majlis Daerah Teluk Intan & Jabatan Seni Halus, KPSK UiTM Cawangan Perak (2023)

Bunga raya telah diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan Malaysia oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 28 Julai 1960 (Portal Maklumat Rakyat, 2023). Satu kajian telah dibuat oleh Jabatan Penerangan untuk mendapatkan respon orang ramai berkenaan bunga yang menjadi pilihan seluruh penduduk di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan kepada kajian tersebut mendapati bunga mawar dan bunga melur telah menjadi pilihan penduduk di Pantai Timur dan di Pantai Barat Malaysia. Namun begitu, berdasarkan kepada beberapa kriteria kerajaan telah memutuskan bunga raya dipilih sebagai Bunga Kebangsaan. Salah satu kriteria penting yang diambil kira pada ketika itu adalah bunga raya tidak menjadi Bunga Kebangsaan dimana-mana negara lain.

Berdasarkan kepada imej bunga raya yang dipaparkan di dalam mural di pekan Bagan Datuk ini, sedikit sebanyak dapat meningkatkan kesedaran dan kecintaan masyarakat umum terhadap bunga raya yang diangkat sebagai bunga kebangsaan. Menerusi mural ini, mesej berkaitan semangat patriotisme dapat disampaikan dan disebarluaskan kepada masyarakat umum. Paparan simbol kenegaraan dalam mural ini dapat mendekatkan masyarakat dengan simbol kenegaraan yang mana merupakan identiti negara. Tambahan pula simbol ini merupakan lambang perpaduan dan keamanan negara yang harus dipelihara dengan sebaiknya.

Mural Bagan Datuk 3

Mural ketiga yang dianalisis dalam kajian ini adalah menggambarkan sekuntum bunga raya yang berlatarkan imej sebuah tingkap kayu dan beberapa ekor lebah. Bunga raya yang merupakan simbol kenegaraan itu kelihatan mekar dengan pengolahan warna panas dan sejuk yang seimbang. Tanda visual tersebut dapat mengungkapkan bunga raya mempunyai warna dan bentuk yang unik yang mana merupakan salah satu kriteria mengapa bunga raya dipilih sebagai Bunga Kebangsaan (Portal Maklumat Rakyat, 2023).



Rajah 4: Mural Bagan Datuk.

Sumber: Laporan Program Mural Geran Penyelidikan Antara Majlis Daerah Teluk Intan & Jabatan Seni Halus, KPSK UiTM Cawangan Perak (2023)

Imej lebah dalam mural ini dapat dikaitkan dengan keseimbangan alam. Tanda visual tersebut menggambarkan keistimewaan lebah yang merupakan aspek penting dalam ekosistem untuk pendebungaan atau proses pembiakan tumbuh-tumbuhan. Disamping itu, bunga raya itu sendiri berbunga sepanjang tahun dan mudah untuk ditanam (Alias, 2022). Mural ini telah mengetengahkan salah satu simbol kenegaraan iaitu bunga raya. Menerusi mural ini pengunjung dapat menghayati bunga raya sebagai bunga kebangsaan yang menjadi kebanggaan negara di samping menghayati maksud tersirat di sebalik bunga raya.

KESIMPULAN

Mural merupakan lukisan dinding yang efektif dalam menyampaikan sesuatu mesej. Kedudukannya yang dibuat di ruang awam adalah untuk dihayati oleh masyarakat umum. Dengan itu, masyarakat umum akan mendapat mesej dan informasi menerusi mural yang dilihat dan dihayatinya. Sifat mural yang boleh dihayati oleh kelompok masyarakat yang besar menjadikan ia sebagai alternatif komunikasi massa dalam menyampaikan dan menyebarkan mesej yang merangkumi pelbagai konteks antaranya kenegaraan, sosial dan budaya. Mural di pekan Bagan Datuk ini khususnya telah mendekatkan masyarakat umum dengan memaparkan simbol-simbol kenegaraan dalam imej muralnya. Selain berfungsi sebagai penyampai informasi, mural juga dapat mengindahkan sesuatu kawasan dan menjadi daya tarikan pengunjung untuk membantu merancakkan ekonomi setempat. Hasil analisis mendapati tiga mural yang dikaji di pekan Bagan Datuk ini telah mengangkat simbol-simbol kenegaraan yang wajar dihayati oleh seluruh warganegara. Simbol-simbol kenegaraan yang dikenal pasti adalah Bunga Raya, Jalur Gemilang dan aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang. Penghayatan simbol-simbol kenegaraan ini adalah penting untuk memupuk semangat Patriotisme yang sering dikaitkan dengan kesetiaan dan cintakan tanah air. Melalui mural ini, masyarakat umum dapat mengenali dan menghormati simbol-simbol kenegaraan yang menjadi kebanggaan negara. Ini adalah penting dalam kehidupan kita sebagai warganegara Malaysia untuk memastikan semangat perpaduan dan kestabilan terus utuh.

PENGHARGAAN

Penulis memberi penghargaan kepada MEF G Victory Resources dan Majlis Perbandaran Teluk Intan bagi pembiayaan dibawah Geran Industri (100-TNCPI/PRI 16/6/2 (006/2023).

RUJUKAN

- Ain Safré Bidin. (2023). Mural perindah pekan Bagan Datuk. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/mural-perindah-pekan-bagan-datuk/>. Accessed 21 Ogos 2023.
- Ahmad Radzi, M.Q., Ibrahim, N.H., Ab Gani, M.A., & Zainudin, M.A. (2023). Nationalism Characteristic in Mural Artwork. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Alias, F. A. (2022). Jom kenali Bunga Raya. *e-Buletin JSKM*.
- Astuti, E.Z., Ernawati, A., & Arifin, Z. (2023). Identitas Budaya Jawa Pada Mural di Kampung Batik Kota Semarang. *Jurnal Riset Komunikasi*.
- Bernama. (2010). Tahukah anda tentang simbol negara kita?. <https://www.malaysiakini.com/news/141398>. Accessed 23 Ogos 2023.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). Definisi Alternatif. Kamus Dewan Edisi Keempat. Pusat Rujukan Persuratan Melayu Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=peristiwa>.
- Gazali, M. (2017). Seni Mural Ruang Publik dalam Konteks Konservasi. *Imajinasi*, 11, 69-76.
- Hendro, E. P. (2020). Simbol: Arti, Fungsi, dan Implikasi Metodologisnya. *Endogami: Jurnal Ilmiah Kajian Antropologi*, 3(2), 158-165.
- Ismail, I., Muhamad, N.A., & Dawa, M. (2020). Environmental Change Messages from Vanishing Wall: A Mural in Kota Kinabalu, Sabah.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif in Kursus Penyelidikan Kualitatitif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). Bendera Malaysia. <https://malaysia.gov.my/portal/content/138?language=my> Accessed 23 Ogos 2023.
- Kustiawan, W., Siregar, F. K., Alwiyah, S., Lubis, R. A., Gaja, F. Z., & Pakpahan, N. S. (2022). Komunikasi Massa. *Journal Analytica Islamica*, 11(1), 134-142.
- Meerangani, K., & Mat Johar, M. (2021). Jalur Gemilang Lambang Patriotisme Bangsa Malaysia.
- Merman, H., Tahir, A., Mohd Aripin, N. A. N., Zakaria, M. S., & Saad, M. N. (2022). Mural Painting as a Platform for Historical Information in Batu Gajah Heritage Town. *KUPAS SENI*, 10, 80-92. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.2.8.2022>
- Mohamed Ali Haniffa1, & Ayu Nor Azilah Mohamad. (2022). Penghayatan Warganegara Malaysia Terhadap Lambang Kenegaraan Malaysia Dan Cabaran Revolusi Industri 4.0: Satu Penelitian Awal. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization (IJHTC)*, 7, 1-9. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v7i1.7355>
- Nida Zahar. (2021). Ekspresi Seni Mural, Penambah Seri, Pendukung Budaya. baskl.com.my/ekspresi-seni-mural-penambah-seri-pendukung-budaya/. Accessed 28 June 2023.
- Portal Maklumat Rakyat. (2023). Bunga Kebangsaan. https://pmr.penerangan.gov.my/?page_id=1136. Accessed 28 Ogos 2023.
- Radzi, M.Q., Sulaiman, S., Nor, M.N., Ibrahim, N.H., & Hadri, A.Z. (2020). A Study of Patriotism on Mural Art in Ipoh, Perak.
- Rahman, N. A., Ismail, A. R., & Rahim, R. A. (2020). Revolutions of Mural Painting. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(10), 1195–1200.
- Romat, M.S., Syed Ahmed Jalaluddin, S.Z., Tohid, M.S., & Ab Jalil, M.F. (2022). #UnsungHeroes: Mural Art in Honoring the Role of Malaysian Healthcare Frontliners during the Outbreak of Covid-19 at Rembau General Hospital. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*.
- Syed Ahmed Jalaluddin, S.Z., Tohid, M.S., Shamsudin, M.K., & Othman, M.F. (2022). #CeritaKita: The splendour of Malaysia through mural painting on Petronas gas station. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*.
- Susanto, Mikke. (2002). Diksi Rupa. Yogyakarta: Kanisius.
- The Sun Daily. (2023). Kibarkan Jalur Gemilang Tanda Cinta Kepada Negara Bukan Kerana Arahan. <https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kibarkan-jalur-gemilang-tanda-cinta-kepada-negara-bukan-kerana-arahan-LK11395871>. Accessed 25 Ogos 2023.
- Turow, J. (2010). Media today: An Introduction to Mass Communication. New York: Routledge.